

24/06/1997

Tiada usul lantik Yusof jadi MB

Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Isnin - Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Besut menafikan dakwaan mengemukakan usul atau memorandum supaya Ketua Umno bahagian itu, Datuk Dr Yusof Noor dilantik Menteri Besar Terengganu, menggantikan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Naib Ketua Pemuda bahagian itu, Mohd Pahimin Yusoff, berkata Pemuda Umno bahagian tidak membangkitkan langsung usul itu sebagaimana yang dihebohkan sekarang.

"Pemuda Umno bahagian juga tidak menghantar memorandum kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai perkara yang sama sebagaimana yang dihebohkan sekarang," katanya.

Beliau berkata, perkara sensitif itu tidak dibangkitkan langsung kerana ia boleh menjejaskan perpaduan parti dan pemimpin terbabit.

Mohd Pahimin kesal kerana ada pihak yang sengaja menghebohkan isu itu bagi meretakan hubungan antara Wan Mokhtar dan Dr Yusof.

"Dalam mesyuarat agung Pemuda dan Wanita Umno bahagian, yang dirasmikan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, pada 13 Jun lalu, hanya beberapa usul penting diterima, termasuk meminta Kementerian Pendidikan menekankan pendidikan keagamaan dan meminta kerajaan menangani rasuah secara serius," katanya.

Menurutnya, pergerakan itu juga bersetuju bekas ahli parti Semangat 46 (S46) diterima terus menjadi ahli cawangan Umno yang sedia di bahagian itu.

Mohd Pahimin berkata, soal meminta Dr Yusof dilantik Menteri Besar tidak timbul kerana ia di bawah bidang kuasa Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, dalam mesyuarat itu, ada seorang ahli pergerakan itu bangun dan berucap dan mengemukakan cadangan supaya Dr Yusof dilantik Menteri Besar, tetapi tidak diterima sebagai cadangan.

"Saya berharap tidak ada pihak terkeliru dengan perkara itu dan membuat tuduhan menyatakan pergerakan itu sudah menghantar memorandum mendesak Dr Mahathir melantik Menteri Besar baru," katanya.

(END)